


1 - 15 OKTOBER, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# SAMBUT ULANG TAHUN 1

## bantu gelandangan kembali dalam masyarakat

**SEMPENA** menyambut ulang tahun pertama, Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan C.Y. Choy yang beroperasi sejak Jun 2023 tampil dengan pelbagai program menarik sepanjang tahun ini.

Malah, PTG juga kian dikenali umum bukan sahaja di Pulau Mutiara bahkan juga sehingga ke negeri Pantai Timur dan turut melibatkan program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada pelbagai pihak.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** berkesempatan membuat tinjauan lapangan serta mendapatkan maklum balas lanjut daripada Pengurus PTG, **NAZATULWANIS MOHD. KHORISH**.

Menurut Nazatulwanis, PTG sentiasa menggunakan pendekatan terbaik terhadap gelandangan yang dilihat mampu dipulihkan untuk kembali dalam masyarakat sebagai insan normal.

"Konsep di sini adalah untuk membantu golongan gelandangan dari segi perlindungan, kebersihan, keselamatan dalam meneruskan kehidupan sebagai sebahagian daripada masyarakat.

"Seperti yang sedia maklum, selaras dengan visi di PTG, satu inisiatif perkhidmatan mencuci motosikal serendah RM4 telah diwujudkan bagi membina semula motivasi mereka untuk bekerja tanpa perlu mengemis.

"Malah, terdapat juga permintaan untuk membasuh kereta, akan tetapi memandangkan tiada peralatan maka (gelandangan) hanya membasuh motosikal setiap hari bergantung kepada permintaan.

"Aktiviti seperti menghasilkan kraftangan bakul plastik turut diadakan bagi mengasah kemahiran mereka, ada juga yang sukakan aktiviti kesihatan, oleh itu PTG mengadakan aktiviti senam robik setiap seminggu sekali bermula seawal pagi," ujarnya semasa pertemuan di pejabatnya pada 21 Ogos lalu.



NAZATULWANIS Mohd. Khorish (depan, tiga dari kiri) merakamkan gambar kenangan bersama-sama pasukannya.

Tambah Nazatulwanis, sambutan yang diterima pihak PTG amat baik melalui kerjasama daripada pelbagai pihak luar dan turut dialu-alukan pada masa akan datang.

"Terdapat banyak juga penglibatan dan kerjasama erat bersama-sama pihak Giatmara, Kolej-kolej Vokasional, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan lain-lain.

"Antara perancangan program pada masa hadapan adalah melibatkan beberapa sesi taklimat kebersihan kendiri, rutin asas mengemas serta penjagaan gigi dengan kerjasama pihak USM.

*(Sambungan di muka 2).*


PASUKAN kesihatan yang bekerjasama dalam memberikan perkhidmatan diperlukan.

# Skim Inapan Kasih bina kediaman, baiki rumah asnaf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SETAKAT** ini, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah siap membina 10 rumah asnaf bernilai RM80,000 seunit di bawah Skim Inapan Kasih dan akan menyiapkan baki enam unit kediaman lain sebelum penghujung tahun 2024.

Sehingga Julai tahun ini juga, agensi negeri tersebut turut berjaya membaik pulih sejumlah 40 rumah asnaf dengan peruntukan kira-kira RM800,000.

Timbalan Ketua Menteri I, **DATO' DR. MOHAMAD ABDUL HAMID** yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberitahu perkara itu semasa sidang media seusai Majlis Penyerahan Replika Kunci Rumah Inapan Kasih ZPP kepada penerima, **NORAINI MOHAMAD** di Kampung Setol, Permatang Sungai Dua pada 14 Ogos 2024.

"Program menjejak rumah asnaf fakir dan miskin yang layak untuk kita (ZPP) golongkan mereka di bawah skim projek membaik pulih ataupun bina rumah (Inapan Kasih) bagi tahun 2024 (akan diteruskan).

"Jadi, saya menyeru kepada mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan untuk kita (ZPP) salurkan bantuan sama ada baik pulih rumah atau bina (baharu) di bawah Skim Inapan Kasih ZPP sangat dialu-alukan," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat.



DR. Mohamad Abdul Hamid (tiga dari kanan) menyampaikan replika kunci rumah Inapan Kasih ZPP kepada Noraini Mohamad (empat dari kanan) di Kampung Setol, Permatang Sungai Dua baru-baru ini.

Sebelum itu, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut menyampaikan Surat Setuju Terima projek pembinaan rumah Inapan Kasih kepada seorang penerima lain, **MOHD. JAMIL JAAFAR** di Pekan Darat, Sungai Dua.

Noraini, 45, seorang ibu tunggal kepada empat anak berusia antara 21 hingga 9 tahun yang ditemui kemudian menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Lebih setahun juga memohon, tidak sangka mendapat replika kunci rumah begitu cepat pada hari ini.

"Bersyukur kepada Allah S.W.T., dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, dengan bantuan rumah di bawah Skim Inapan Kasih ini dapat membantu kamu sekeluarga," katanya.

Nada hampir serupa dizahirkan oleh Mohd. Jamil, 51.



MOHD. Jamil Jaafar.

"Sebelum ini, saya bersama-sama isteri (**NOORHAYATI DIN**, 53) dan tiga anak (berusia antara 20 hingga 11 tahun) terpaksa menyewa walaupun tidak mampu.

"Isteri saya lumpuh dan perlu rawatan dialisis dari semasa ke semasa, yang mana di luar kemampuan saya sebagai pesawah.

"(Dan) dengan bantuan zakat (ZPP) ini, tiada perkataan boleh saya luahkan melainkan bersyukur kepada Tuhan, dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini," ujarnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Kerjasama erat pelbagai pihak



LIM Siew Khim.

"Di samping itu, pihak Maybank (Cawangan Utama Kuala Lumpur) juga bakal turun padang menjalankan program CSR melibatkan aktiviti gotong-royong serta sumbangan barang mentah dan kelengkapan kebersihan.

"Selain itu, banyak juga sumbangan makanan harian oleh badan bukan kerajaan (NGO), Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), persatuan-persatuan kuil dan banyak lagi.

"Di samping acara Semarak Merdeka dari Flat Lebuh Noordin ke PTG melibatkan gelandangan dan komuniti baru-baru ini, terdapat juga acara sukaneka menarik khusus bagi memeriahkan lagi majlis tersebut," jelasnya lanjut.

Sementara itu, Nazatulwanis turut berkongsi setakat 15 Ogos, seramai 348 penghuni menginap di PTG dan mempunyai pas akses penghuni.

"Sistem di sini sudah tentu kita mementingkan penghuni daripada mereka yang datang '*walk in*', bagi penghuni yang memakai pas penghuni, kakitangan PTG mudah mengenal pasti mereka serta turut diberi keutamaan.

"(Dan) setakat hari ini, seramai 108 gelandangan telah berjaya mendapatkan pekerjaan, PTG bekerjasama rapat dengan agensi terlibat, antaranya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang menyalurkan bantuan dari segi padanan kerja dan pemantauan secara berterusan oleh pihak majikan.

"Manakala, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berfungsi bagi mendapatkan maklumat peribadi serta pengesahan kewarganegaraan yang turut melibatkan sebanyak 55.4 peratus gelandangan dari Pulau Pinang mengikut statistik negeri.

"Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga bekerjasama mengambil tindakan terhadap penghuni PTG yang telah melanggar peraturan serta terlibat dengan gejala tidak sihat,'' ulasnya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa Kerajaan Negeri menyambut baik konsep penganjuran program yang melibatkan penyertaan komuniti setempat serta gelandangan.

"Kira-kira 100 penghuni sementara PTG, komuniti setempat serta barisan sukarelawan terlibat dalam sambutan Semarak Merdeka yang bertujuan memupuk keharmonian dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Jika dilihat sehingga kini, PTG telah menunjukkan perkembangan yang amat positif serta diharapkan penghuni di sini dapat menjaga persekitaran dan kebersihan di pusat ini," ujarnya sambil menyeru agar golongan warga emas di PTG dapat mengekalkan gaya hidup sihat menerusi penganjuran aktiviti pada masa akan datang.



KHIDMAT membasuh motosikal yang masih berjalan.

# Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah

## bawa limpahan sosioekonomi






SEBAHAGIAN bahan pameran di Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PENEMUAN** rangka manusia *'Penang Woman'* (GK2017) yang berusia lebih 5,000 tahun di Guar Kepah bakal menjadi tarikan utama para pengunjung yang melawat ke Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah pada akhir tahun ini.



**S. Bharathi.**

Menurut Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), **S. BHARATHI**, Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah dibangunkan dengan tujuan untuk mempamerkan kesemua artifak dan rangka yang ditemukan di Guar Kepah sekali gus dilihat mampu memartabatkan warisan sejarah negeri Pulau Pinang.

"Dalam pembangunan galeri ini, CMI berperanan mendapatkan tenaga pakar terutamanya dari segi khidmat nasihat serta pemantauan berkala daripada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM).

"Malah, CMI juga berganding bahu dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi pembangunan serampang dua mata di Guar Kepah untuk memastikan tapak ekskavasi tersebut kekal terpelihara.

"Selain memastikan makmal arkeologi dalam keadaan baik, ruang simpanan rangka dan rangka manusia juga perlu berada dalam keadaan yang baik, termasuk kerja-kerja konservasi rangka dan artifak," ujarnya ketika dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** baru-baru ini.

Menurut Bharathi, tahap pembangunan galeri kini sedang melalui proses perolehan Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC) berwajib.

"Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah akan dibuka kepada umum pada akhir tahun ini memandangkan pembangunan fizikal telahpun siap, namun masih belum memperoleh sijil CCC.

"(Dan) galeri ini akan memuatkan kesemua bahan sejarah Guar Kepah termasuk sejarah berkenaan prasejarah Malaysia dan dunia bagi menunjukkan perhubungan dan kesinambungannya, bahan sejarah termasuk objek warisan (artifak) dan hasil kajian juga turut dipamerkan secara fizikal, poster dan sistem audio visual.

"Justeru, buat masa kini pihak CMI sedang dalam proses pelaksanaan perolehan bagi tujuan pengoperasian kelak," katanya.

Tambah Bharathi, galeri tersebut juga turut mempengaruhi konsep pameran yang memelihara warisan arkeologi.

"Semasa pembinaan galeri, ahli arkeologi telah mewajibkan galeri dilengkapi dengan sistem pengawalan suhu dan kelembapan selama 24 jam.

"Bukan itu sahaja, tempat simpanan khas juga turut disediakan bagi memelihara artifak berusia 5,000 tahun serta penemuan 42 rangka manusia peninggalan artifak Zaman Neolitik yang ditemukan di Guar Kepah.

"Hal ini bertujuan memastikan artifak-artifak di Guar Kepah termasuk rangka *'Penang Woman'* selamat, justeru pemantauan berkala juga perlu dijalankan," ulasnya lanjut.



REKA bentuk futuristik yang menarik.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, **MOHAMAD HARIS KADER SULTAN** ketika dihubungi juga turut memaklumkan bahawa objektif utama pembangunan galeri ini adalah untuk memelihara warisan arkeologi untuk rujukan generasi akan datang.

"Galeri ini akan menjadi pusat rujukan penting mengenai sejarah awal di Malaysia khususnya di Pulau Pinang kerana penemuan daripada tapak ini menjadi bukti ketamadunan masyarakat yang pernah berada di Guar Kepah.

"Selain itu, turut dipamerkan adalah tapak bukit cengkerang yang menjadi simbolik kepada keadaan sebenar pada zaman dahulu untuk memberi pengalaman unik kepada pengunjung.

"(Dan) bagi meningkatkan keselesaan pengunjung, pelbagai kemudahan lain seperti dewan seminar, kiosk cenderamata, kafeteria dan lain-lain kemudahan turut disediakan dan bakal menarik minat semua peringkat umur," ujarnya sambil menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM10 juta disalurkan khusus untuk pembinaan infrastruktur galeri ini tersebut.

Sehubungan itu, Mohamad Haris turut berharap agar usaha berkaitan dapat memupuk kesedaran mengenai kepentingan penemuan serta nilai sejarah tempatan.



**MOHAMAD Haris Kader Sultan.**

"Galeri ini akan diuruskan oleh pihak CMI apabila beroperasi kelak, dan adalah diharapkan ia dapat menjadi pusat penyebaran maklumat sejarah utama di Pulau Pinang sekali gus menjadikan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah sebagai sebuah arkeo-pelancongan berasaskan pendidikan di rantau ini.

"(Dan) dengan fasiliti yang lengkap disediakan, galeri ini berpotensi menarik pelancong bukan sahaja dari dalam negara, malah juga serata dunia.

"Daya tarikan di sini juga bakal menjadikan projek galeri ini lebih mampan dan memberi impak limpahan sosioekonomi terhadap penduduk terutamanya dengan adanya peluang pekerjaan dan perniagaan baharu, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan," jelasnya.

SETAHUN SEBAGAI EXCO

# Bangunkan sektor pelancongan Seberang Perai



WONG Hon Wai menunjukkan koleksi model-model kapal terbang milik syarikat penerbangan yang menjalankan operasi penerbangan terus ke Pulau Pinang.

**GENAP** setahun barisan kepimpinan peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) yang baharu dipilih setelah Pilihan Raya Negeri (PRN) berlangsung pada 12 Ogos 2023 mengemudi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Salah seorangnya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, **WONG HON WAI** yang telah diangkat untuk memikul tanggungjawab sebagai Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE), satu portfolio yang dilihat antara penggerak ekonomi negeri.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** diberi peluang menemu bual Hon Wai di pejabatnya pada 16 Ogos lalu.

Memulakan bicara, Hon Wai menyentuh mengenai lonjakan penambahan penerbangan terus antarabangsa yang meningkat berbanding tahun lalu.

Menurut beliau, statistik pada tahun 2023 menunjukkan penerbangan antarabangsa ke Pulau Pinang adalah sebanyak 255 penerbangan setiap minggu.

"Bagi tahun ini, sehingga Jun sebanyak 299 penerbangan seminggu dicatatkan, peningkatan sebanyak 17.25 peratus.

"(Dan) terbaharu adalah *Hong Kong Express* juga akan terbang ke Pulau Pinang dalam masa terdekat.

"Ini merupakan usaha berlipat ganda oleh pihak PETACE, bukan datang begitu sahaja, kami ke luar negara seperti ke Shanghai, China baru-baru ini menyertai *International Tourism Bourse* (ITB), selepas tiga minggu saya mengangkat sumpah, telah pulihkan semua penerbangan terus Shanghai ke Pulau Pinang," ujarnya.

Malah, Hon Wai menyatakan bahawa syarikat seperti *Juneyao Airlines* dan *Hong Kong Express* turut memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pertama di Malaysia.

Selain itu, kata beliau, PETACE turut mengadakan lawatan ke India bagi menguruskan penerbangan terus Chennai (India) ke Pulau Pinang melalui *Indigo Airlines*.

"Apabila kehadiran penerbangan terus meningkat, kita juga perlu uruskan dengan pihak Jabatan Imigresen di sini agar proses kemasukan berjalan dengan lancar," katanya.

Dalam pada itu, Hon Wai memberitahu bahawa pertambahan pusat konvensyen di Pulau Pinang turut menaikkan nama Pulau Pinang antara lokasi penganjuran acara skala besar ke negeri ini.

"Ini sudah pastinya berbeza dengan 10 hingga 15 tahun dahulu, dengan adanya pusat konvensyen seperti di SPICE Convention Centre; Butterworth Arena dan bakal bertambah di *The Light Waterfront* dijangka akan meningkatkan lagi permintaan.

Pelancongan tempatan tidak terkecuali mendapat perhatian Hon Wai yang mana PETACE turut terlibat dalam mempromosikan kapal pelayaran dan musim buah-buahan khususnya musim durian.

"Seperti yang kita lihat, masa musim durian, Pulau Pinang akan 'dilanda' kesesakan luar jangka, durian sudah menjadi suatu publisiti bagi Pulau Pinang hingga menarik pelancong antarabangsa.

"Ini sekali gus memberi satu limpahan ekonomi menerusi pelancongan di kawasan lain juga kerana apabila datang ke sini lazimnya mereka akan ke tempat-tempat lain juga," ulasnya lanjut.

Selepas saban tahun acara larian *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) mengambil tempat di Jambatan Pulau Pinang, tahun 2024 Hon Wai mengambil keputusan mengubahnya ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua).

Keputusan itu diambil setelah beliau mengambil bahagian dalam salah satu acara berbasikal tahun lalu dan merasakan Jambatan Kedua adalah lebih sesuai dan memberi sedikit cabaran.

"Sebelum ini, PBIM pernah dianjurkan di Jambatan Kedua oleh mantan Exco, tetapi bermula di Batu Maung (pulau), tahun ini setelah berbincang dengan pihak swasta, mereka setuju untuk kerjasama dan akan bermula di Seberang Perai buat julung kali dalam sejarah penganjuran PBIM.

"Saya rasa lokasi di sana (Batu Kawan) lebih luas, lebih mudah untuk kehadiran yang ramai, parkir termasuk bas perantara untuk bawa para peserta.

"Ini mungkin lebih baik untuk aliran trafik di sebelah pulau pada hari larian, sebab kita tahu di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu pun sekarang ada projek naik taraf.

"Jadi larian di Jambatan Kedua tidak perlu libatkan jalan biasa, terlalu banyak seperti laluan di Jambatan Pulau Pinang dan kita harap tahun ini segalanya lebih lancar," jelasnya yang turut memaklumkan bahawa penganjuran PBIM adalah acara berprestij di bawah *Association of International Marathon and Distance Race* (AIMS).

Mengakhiri temu bual, Hon Wai juga berharap perancangan akan datang dapat memajukan juga sektor pelancongan di Seberang Perai.

Pihaknya juga 'menagih' kerjasama dengan *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) supaya dapat menarik lebih banyak acara untuk dilangsungkan di Seberang Perai.

"Tidak ketinggalan adalah aktiviti kesenian seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF) yang mungkin boleh diadakan pada hujung minggu.

"Program sedemikian boleh memberi galakan, cuma seniman atau artis perlu galas tanggungjawab juga untuk pengisian menarik.

"Mereka (artis) perlu koordinasi, seperti acara *Bon Odori*, Kerajaan Negeri bagi galakan sahaja, tetapi pengisian program berjaya menaikkan acara tersebut," katanya.



RISALAH khas yang menunjukkan antara jenis durian yang menjadi produk pelancongan negeri kini.

# PAMERAN SULUNG realisasikan impian Mubarak




KENNY Ng (kiri) dan Hafiz Anuar meneliti antara karya yang dihasilkan.



MUBARAK Jamil.

**MUBARAK** Jamil yang memenangi *Sportlight 2023*, akhirnya berjaya merealisasikan impian diri untuk mengadakan pameran solo sulungnya dengan tema *'Into the Unknown'* di Hin Bus Depot, George Town yang berakhir pada 25 Ogos lepas.

Pameran arca seramik itu telah mendedahkan kepada pengunjung mengenai perjalanan seni Mubarak yang penuh liku-liku kehidupan serta sukar diramalkan.

Antara 14 karya yang dipamerkan adalah beberapa keping arca mirip Brian Donnelly iaitu ikon budaya pop yang mana bagi Mubarak cuba menzahirkan pengalaman peribadinya sendiri.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong yang menyampaikan hadiah kemenangan kepada Mubarak.

Paling menyerlah pada arca yang dipamerkan antaranya rabit pada bahagian telinga figura berkenaan, yang sekali gus menyerlahkan metafora pedih dalam perjuangan seni Mubarak dengan gegendang telinga yang pecah.

Metafora di sebalik arca seramik sebegitu melambangkan liku-liku kehidupan yang tidak dijangka tetapi telah membentuk hidupnya, kata Mubarak ketika ditemui Buletin Mutiara oada 21 Ogos lalu.

"Karya seni Brian Donnelly adalah dalam bentuk kartun, yang mudah dicerap oleh komuniti seni.

"Fokus utamanya dalam lukisan dan arca, sementara saya pula lebih memberi tumpuan pada seni arca seramik.

"(Sehubungan itu,) fikir saya, kenapa tidak memasukkan gayanya dalam naratif saya sendiri untuk mencipta karya seni yang lebih mempesona.

"Saya telah mencerakin semua raut wajah dari susuk tubuh itu termasuk telinga kanan (mungkin kerana) saya pernah menjadi seorang *introvert* dan itulah yang pernah saya rasa dengan gegendang telinga pecah semasa saya dilahirkan.

"Perasaan *introvert* dalam diri ini cuba saya zahirkan dalam seni arca seramik saya.

"Disebabkan gegendang telinga pecah, tiub dimasukkan ke dalam telinga kanan saya ketika saya berusia tiga tahun untuk meningkatkan fungsi pendengaran saya.

"Sekarang? Pendengaran saya normal," jelasnya yang baru menyambut hari puja umur tahun ke-24 pada 19 Ogos lepas.

Di sebalik kejayaan memenangi *Sportlight 2023*, Mubarak berkata bahawa beliau dibimbing selama kira-kira enam bulan oleh James Seet sebagai persiapan mengadakan pameran solo sulung tersebut.

"Saya berasa begitu kagum dengan James Seet yang merupakan salah seorang artis seramik di Malaysia.

"Beliau telah berjaya menghasilkan karya pada tahap terbaik, hatta membuatkan saya berminat untuk belajar dengan lebih mendalam dan mencapah berkaitan dirinya dan seni arca seramik itu sendiri.

"Apabila beliau bersetuju untuk menjadi mentor saya, saya bertambah kagum dengan sifatnya yang sederhana dan baik hati.

"Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan ilmu kepada saya.

"Pensyarah universiti tempat saya belajar lebih banyak menumpu kepada aspek teknikal seni seramik, sementara James mengasuh saya ke arah seni

"Jadi, apabila saya mendapat peluang mengadakan pameran solo pertama ini, pameran ini saya anggap suatu impian yang telah menjadi kenyataan.

"Dengan emosi yang mendalam, saya terharu dan mahu menangis sebenarnya.

"Saya terharu dan mahu menitiskan air mata apabila Encik Lee Khai (Pengerusi Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang) bercakap mengenai jatuh bangun saya dalam kehidupan.

"Saya memang mahu menangis terharu, tetapi menahan diri semasa majlis itu berlangsung.

"Sesungguhnya, ia (pameran solo sulung) merupakan langkah pertama ke arah menjadi artis bertauliah.

"Ia merupakan pengalaman dan ilmu sampai pada kejayaan melangsungkan pameran solo sulung ini begitu pantas berlaku yang mana ia tidak dapat dibayangkan oleh seorang pelajar seperti saya," ujarnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan juru gambar, **ALISSALA THIAN**.

Sementara itu, kurator, Ivan Gabriel menyatakan rasa kagum dengan teknik *'marbling'* dan *'dripping'* Mubarak dalam hasil seni arcanya, begitu menyerlah unsur ketidakpastian kehidupan.

"Sepanjang perjalanannya dalam alam dewasa, seolah-olah Mubarak telah menemukan suatu pengalaman yang telah berjaya mengubah kehidupannya iaitu dari seorang yang pecah gegendang telinga hingga memenangi pertandingan *Sportlight* (2023) sebaik sahaja beliau menamatkan pengajian.

"Baginya kesan titisan (pada kebanyakan hasil arca seramik) seolah-olah melambangkan perjalanan hidupnya (Mubarak) yang tidak dijangka itu," ulasnya.

*(Sambungan di muka 14).*





**SEBAHAGIAN karya seramik yang dipamerkan pada pameran solo sulung *'Into the Unknown'* baru-baru ini.**

# Sos char kuetiau *Aazy Kitchen* produk berjaya impak pandemik



SOS char kuetiau yang dipasarkan di bawah jenama *Aazy Kitchen Enterprise.*

**KEADAAN** ekonomi tidak menentu susulan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk negara kita Malaysia kira-kira empat tahun lalu telah mengubah kehidupan banyak pihak.

Tidak terkecuali juga **AZYATI YAHAYA**, 46, yang pada ketika itu merupakan seorang kontraktor berpengalaman selama 13 tahun, terpaksa beralih arah dan menceburi bidang perniagaan produk makanan.

Ketika ditemui penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** pada 23 Julai lalu, Azyati memberitahu bahawa beliau kini memberikan tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan sos char kuetiau serba guna yang diusahakannya.

## Penggemar tegar char kuetiau

Menurut beliau, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 yang mengehadkan pergerakan rakyat di negara ini telah memunculkan buah fikiran untuk beliau menjalankan perusahaan sos char kuetiau.

"Anak saya merupakan penggemar tegar masakan char kuetiau, jadi semasa PKP, kita semua tidak dibenarkan makan di kedai atau restoran, dan keadaan ini memaksa saya untuk memasak juadah ini sendiri di rumah.

"Dari situlah saya mula belajar memasak char kuetiau menggunakan resipi yang didapati daripada internet dan kemudiannya saya olah sendiri dengan melakukan pelbagai penambahbaikan demi memenuhi cita rasa anak sulung saya.

"Boleh dikatakan hampir setiap hari anak saya meminta agar dimasakkan char kuetiau sebagai juadah makan malamnya, maka muncul pula idea untuk menghasilkan sos char kuetiau segera yang dapat mempercepat proses memasak," katanya memulakan bicara.

## Pemasaran produk

Azyati memberitahu bahawa tanggungjawab menyediakan makanan untuk keluarga sangat penting bagi seorang ibu tetapi proses memasak adakalanya boleh memakan masa sehingga beberapa jam.

Memahami keadaan itu, beliau mula merancang memasarkan produk sos char kuetiau serba guna yang dihasilkannya di bawah jenama *Aazy Kitchen Enterprise* untuk berkongsi manfaat bersama-sama masyarakat.

"Sos char kuetiau yang saya hasilkan bukan sahaja sesuai untuk masakan kuetiau semata-mata tetapi boleh juga digunakan untuk pelbagai jenis masakan goreng lain seperti mi, mi segera, bihun dan nasi goreng.

"Malah, sos char kuetiau *Aazy Kitchen* juga sesuai digunakan sebagai bahan perapan untuk masakan bakar atau panggang seperti ikan dan ayam," jelasnya yang merupakan pemegang ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Azyati yang turut nempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Perumahan, Bangunan dan Perancangan (HBP) dari Universiti Sains Malaysia (USM) memberitahu bahawa beliau memulakan perniagaan sos char kuetiau secara kecil-kecilan dengan kuantiti sekali pengeluaran hanya satu periuk besar sahaja.



**AZYATI Yahaya dengan sijil penghargaan penyertaan dalam pertandingan berkaitan.**

"Alhamdulillah produk saya mendapat sambutan menggalakkan dan memaksa saya menambah lagi kuantiti pengeluaran sos char kuetiau kepada maksimum 15 periuk sekarang ini.

"Saya berjaya dapatkan bantuan geran bernilai RM50,000 daripada Pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) untuk membeli peralatan perniagaan bagi meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran produk saya.

"Pada mulanya produk saya hanya dipasarkan dengan membuka reruai semasa program Pesta Padi Antarabangsa Kampung Terus dan di tapak-tapak ekspo.

"Namun bermula tahun 2021, produk saya mula dibotolkan untuk pasaran lebih luas, dan saya juga mula berani meletakkan produk saya di kedai-kedai runcit serta pasar awam," ulasnya lanjut.

Katanya, beliau kemudiannya menyertai kursus latihan dan bimbingan daripada agensi kerajaan termasuk Majlis Amanah Rakyat (Mara) serta diberi peluang menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) di Selangor pada tahun 2022.

"Selepas sertai pameran MAHA, produk saya menjadi lebih dikenali dan sehingga kini sos char kuetiau *Aazy Kitchen* telah berjaya dipasarkan ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak melalui ejen yang sah," katanya.




## Keistimewaan

Azyati memberitahu bahawa dengan kemudahan yang ada kini beliau berjaya mengeluarkan sebanyak 1,500 botol sos char kuetiau serba guna untuk dipasarkan di seluruh negara.

"Sebotol sos char kuetiau dijual dengan harga RM15 bagi botol bersaiz 520 milimeter (ml) dan RM10 untuk berkapasiti 350 ml.

"Botol yang berharga RM15 boleh digunakan untuk memasak sehingga 15 pinggan atau 600 gram (g) kuetiau, malahan cara untuk memasak turut disertakan bagi setiap pembelian sos char kuetiau kami," ulasnya lanjut.

*(Sambungan di muka 8).*

# 'The Bayana' medan selera separa automatik pertama



*'FOOD Bayana' yang terbahagi kepada dua aras.*

**KOMPLEKS** makanan *'Food Bayana'* yang terletak di Medan Bayan Lepas, Taman Perindustrian Bayan Lepas (BLIP) Fasa 4 menjadi tumpuan umum dek keunikannya sebagai medan selera separa automatik dipercayai yang pertama dalam negara.

Di samping menawarkan kepelbagaian makanan tempatan terkenal, *'Food Bayana'* juga merupakan destinasi popular dalam kalangan pekerja industri di kawasan sekitar yang mencari makanan yang cepat, murah dan enak.

Malah, ia juga terkenal dengan suasananya yang santai dan mesra semua peringkat usia, menjadikan *'Food Bayana'* sebagai tempat yang sesuai untuk berehat sejenak daripada kesibukan kerja atau santai bersama-sama keluarga.

Peluang bertemu dengan Pengerusi Pentamaster Corp. Berhad, **DATO' CHUAH CHOON BIN**, digunakan sebaiknya oleh Buletin Mutiara untuk mengetahui lebih lanjut mengenai liku-liku perjalanan dalam mengusahakan *'The Bayana'* demi 'meremajakan' semula kawasan sekitar BLIP.



**CHUAH Choon Bin.**

Menurut Choon Bin, inisiatif membangunkan destinasi makanan dan hab lestari itu tercetus sebelum berlakunya pandemik.

"Sebagai sebuah syarikat automasi, Pentamaster (Corp. Berhad) menumpukan pada mesin dan peralatan automatik.

"Kita menjangkakan *'The Bayana'* bakal menjadi hab gaya hidup terbaharu yang mana salah satu komponen yang telah beroperasi adalah *'Food Bayana'*, manakala *'Bayana Parc'* dan *'Bayana Hub'* akan beroperasi tahun hadapan," ujarnya.

## *Food Bayana*

Choon Bin memberitahu bahawa konsep yang cuba diketengahkan di *'Food Bayana'* adalah sebagai sebuah tempat yang mudah diakses oleh pekerja dan pengunjung di sekitar kawasan tersebut.

"*'Food Bayana'* memainkan peranan penting dalam menyediakan pelbagai jenis makanan yang sesuai dengan cita rasa tempatan dan antarabangsa.

"Ini termasuk hidangan tradisional Malaysia seperti nasi lemak, mi goreng, laksa, serta pilihan makanan barat dan Asia lain.

"Sebagai penggemar makanan, saya menggemari makanan yang enak dan sentiasa memfokuskan untuk mendapatkan yang terbaik.

"Kira-kira setahun tempoh diambil untuk mengumpulkan penjual makanan yang dijamin sedap dan berkualiti.

"(Dan) dengan adanya medan selera seperti ini, pelanggan tidak perlu keluar jauh, dapat menjimatkan masa serta aneka makanan yang turut terbahagi kepada bahagian halal dan tidak halal," katanya sambil menyatakan bahawa bangunan *'Food Bayana'* adalah menepati piawaian Indeks Bangunan Hijau (GBI) kelas 'emas'.

Tambah Choon Bin, *'Food Bayana'* bukan sahaja memenuhi keperluan makanan pelanggan, malah turut berfungsi sebagai hab bersosial.

"Di sini, pelanggan dapat berkumpul, berehat dan menikmati suasana yang nyaman di samping menikmati juadah makanan dan minuman yang tersedia.

"*'Food Bayana'* mempunyai dua aras, lot gerai makanan terletak di aras bawah manakala lot minuman serta ruang makan terletak di aras dua.

"Di samping dilengkapi kemudahan eskalator dan pembayaran tanpa tunai, makanan yang dipesan di kaunter juga akan dihantar menggunakan robot automatik di aras bawah dan melalui lif (jika di aras dua).

*(Sambungan di muka 8).*





**PENGGUNAAN teknologi robotik dalam perkhidmatan penyajian makanan.**

(Sambungan dari muka 7).

# Bina ekosistem mampan




KEPELBAGAIAN kemudahan yang disediakan untuk para pengunjung.




'THE Hobbit' yang menjadi tarikan para pengunjung di sini.

"Selain itu, lokasinya juga berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, jadi bagi pelanggan yang ingin mencari tempat makanan terdekat, *'Food Bayana'* tersedia," jelasnya.

Menariknya, orang ramai yang berkunjung juga dapat menikmati pengembaraan fantasi *'The Hobbit'* yang dibangunkan sebagai daya tarikan untuk seisi keluarga meluangkan masa berkualiti.

### Cabaran

Meskipun tidak mempunyai pengalaman dalam industri penyediaan makanan dan minuman, namun Choon Bin tetap mencabar diri dan sentiasa komited untuk mencuba dan terus memperbaik kekurangan.

"Pada peringkat awal, sudah tentu banyak rungutan diterima oleh pelanggan sehingga pihak kami terpaksa menghentikan penggunaan robot automatik selama enam minggu.

"Setelah mengemas kini pengisian barulah (robot) beroperasi kembali," ulasnya sambil menyifatkan turut menghadapi cabaran dalam mengurus hal-hal penyewaan di situ.

### Perancangan *The Bayana*

Tambah Choon Bin, beliau telah melabur sebanyak lebih RM50 juta untuk pembangunan *'The Bayana'* sebagai sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporatnya (CSR).

"*'Bayana Parc'* menawarkan ruangan yang tenang dan sesuai untuk bersosial serta berehat selepas seharian bekerja bukan sahaja untuk pekerja malah juga pengunjung.

"(Manakala) *'Bayana Hub'* pula dibina sebagai sebuah kompleks lima tingkat yang dikelilingi landskap semula jadi serta restoran pandu lalu, kedai serbaneka, kafe, gim, kemudahan mendaki dalam bangunan dan juga ruang bekerja.

"Kemudahan seperti restoran pandu lalu adalah untuk memudahkan pengunjung yang ingin menikmati makanan dengan cepat, tempat parkir bertingkat juga turut tersedia,'' ulasnya lanjut.

Selain itu, Choon Bin turut merancang untuk memperkenalkan pasar Ahad yang diilhamkan dari pasar popular di *Hin Bus Depot* kerana di sini agak lengang sewaktu hujung minggu, dengan adanya pasar Ahad harapnya lebih meriah," tambahnya.

### Harapan

Mengakhiri sesi wawancara, Choon Bin turut berharap agar usahanya dapat dijadikan sebagai sumbangan penting terhadap masyarakat setempat.

"Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri dan PDC atas sokongan dan peranan (mereka) terhadap industri tempatan dan menggalakkan pelaburan tempatan untuk lebih berkembang di negeri ini.

"*'The Bayana'* bukan sahaja sebuah pencapaian peribadi saya, malah juga sumbangan penting kepada masyarakat.

"Justeru, saya berharap projek ini berjaya membina ekosistem yang mampan serta kukuh di Taman Perindustrian Bayan Lepas, sekali gus memberi inspirasi kepada usahawan masa depan untuk berfikir di luar kotak dan bukan sekadar mengukur nilai keuntungan," ujarnya menutup bicara.

(Sambungan dari muka 6).

# Lengkap dengan bahan semula jadi

Tambah beliau, maklum balas mengenai cita rasa sos char kuetiau serbaguna *Aazy Kitchen* setakat ini sangat memuaskan kerana rasanya yang sesuai dengan pelbagai lapisan umur termasuk kanak-kanak.

"Selain itu, keistimewaan produk kami adalah ia dalam bentuk sedia dimasak yang mana pengguna hanya memerlukan dua atau tiga minit sahaja untuk menghasilkan satu hidangan char kuetiau yang lazat.

"Hal ini kerana sos kami mempunyai kandungan bahan-bahan yang lengkap yang mana pengguna tidak perlu lagi menyediakan bahan-bahan masakan seperti bawang, rempah ratus, dan pelbagai jenis sos.

"Paling tidak pun mereka hanya perlu menambah bahan-bahan kesukaan mereka sahaja seperti sayur, makanan laut dan sebagainya untuk meningkatkan lagi kelazatan makanan mengikut cita rasa masing-masing," ujarnya sambil menambah bahawa beliau kini sedang memohon peruntukan geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi perniagaan.



CHAR kuetiau yang dimasak menggunakan sos serba guna Aazy Kitchen.

### Perancangan masa depan

Mengulas lanjut, Azyati menyatakan bahawa beliau menaruh impian untuk mempelbagaikan lagi produk perniagaannya selain sedang memohon status Pensijilan Malaysia (Halal).

"Sijil halal penting untuk membolehkan sos char kuetiau dapat dipasarkan di pasar raya terkemuka seperti *Mydin* dan hotel-hotel.



ANTARA peralatan yang digunakan untuk menghasilkan sos char kuetiau.

"Saya juga berhasrat hendak menghasilkan produk baru seperti sos cili ala Thai, char kuetiau segera untuk memudahkan pengguna menikmati juadah ini di mana-mana sahaja," jelasnya.

Tambah Aazy, mereka yang berminat boleh mendapatkan produk sos char kuetiau *Aazy Kitchen* di platform *Shopee* dan *Tik Tok (Aazy Kitchen)* atau mengunjungi agrobazar, premis perniagaan Jeruk Madu Pak Ali, kedai runcit dan di pasar-pasar awam.

"Semua produk saya telah didaftarkan cap dagang di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

"Kami juga mengalu-alukan sebarang jemputan untuk menyertai ekspo anjuran Kerajaan Negeri sama ada di dalam mahupun di luar negara," katanya menutup bicara.

# Tapak Warisan Arkeologi Bukit Choras

## bongkar sejarah penempatan awal



KERJA-KERJA di Tapak Warisan Arkeologi Bukit Choras.



Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KERJA-KERJA** penggalian dalam fasa keempat Tapak Warisan Arkeologi Bukit Choras, Yan, Kedah dijangka bersambung pada tahun depan.

Penyelidik Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM), **DR. NASHA RODZIADI KHAW** memberitahu bahawa Jabatan Warisan Negara (JWN) dan sekumpulan sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut akan terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan serta penggalian di tapak warisan tersebut nanti.

"Kami menjangkakan kerja-kerja penggalian bermula pada suku kedua tahun hadapan (2025).

"Fasa (keempat) ini begitu penting, diharap membongkar lebih banyak perkara di tapak warisan sejarah itu nanti," jelasnya sambil memberitahu bahawa ketika ini kumpulan penyelidik dianggotai seramai 15 orang termasuk pensyarah, pegawai sains, kakitangan teknikal dan pelajar sendiri.

Bercerita lanjut kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 26 Ogos lalu, beliau memberitahu bahawa kejayaan tiga fasa sebelum ini adalah hasil sokongan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kedah dan beberapa firma korporat dari segi pembiayaan dana.

Berbekalkan sokongan pelbagai pihak berkenaan, beliau menyatakan bahawa sejak sejak tahun 2017 lagi kerja-kerja penyelidikan serta tinjauan lapangan berkaitan telahpun dilaksanakan di sekitar Tapak Warisan Arkeologi Bukit Choras.

"Dari 2017 hingga 2020, kami hanya menumpukan kepada tinjauan geofizik untuk mengesan artifak yang tertimbus.

"Tinjauan ini menunjukkan penemuan penting, walaupun sebelum penggalian bermula," ujarnya.

Tambah Nasha Rodziadi, fasa pertama dan sulung penggalian di tapak tersebut bermula pada bulan September tahun lepas.

Hasilnya, beliau menyatakan bahawa kumpulan penyelidik telah menemukan struktur tempat upacara ritual Buddha yang dianggarkan berusia kira-kira 1,200 tahun.

"Dalam fasa (pertama) ini juga menemukan dua patung bersila bersaiz hidup yang dipelihara dengan baik, hampir sama dengan seni bina artifak dari Kerajaan Srivijaya purba yang ditemukan di Sumatera serta Jawa Barat.

"Manakala fasa kedua pula bermula pada bulan Februari tahun ini (2024), dengan kerja-kerja penggalian diperluas ke kawasan utara dan selatan Tapak (Warisan Arkeologi Bukit Choras).

"Sementara fasa ketiga dilaksanakan pada pada bulan April dan Mei (2024), berjaya menemukan sebuah patung Buddha hampir sempurna dalam keadaan duduk bersila, (dengan ketinggian struktur) kira-kira 1.5 meter (m).

"Artifak tersebut telahpun dibawa ke makmal (PPAG USM) untuk kerja-kerja lanjutan seperti pemeliharaan dan analisis terperinci.

"Dalam fasa (ketiga) ini juga telah mendedahkan penemuan batu bersurat dengan tulisan Sanskrit serta beberapa artifak lain.

"Beberapa artifak yang dijumpai itu juga turut dibawa ke makmal (PPAG USM) untuk kerja-kerja pemeliharaan serta analisis terperinci.

"Saya percaya masih banyak artifak tertanam di sekitar Tapak (Warisan Arkeologi Bukit Choras), yang mana penemuan-penemuan baharu nanti akan membongkar lebih banyak perkara bagi memahami sejarah penempatan awal di sana serta hubungannya dengan tamadun-tamadun purba lain di rantau ini.

